

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN WONG SHU QI [KLUANG]**

**SOALAN**

**PUAN WONG SHU QI [ KLUANG ]** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan keadaan terkini berkenaan ladang hutan seperti berikut :-

- (a) jumlah hektar setiap jenis tanaman dan peratusannya; dan
- (b) contoh-contoh ladang hutan yang boleh dijadikan model amalan terbaik dari segi perniagaan dan kelestarian alam sekitar.

**JAWAPAN**

- (a) Sehingga kini, Program Pembangunan Ladang Hutan (PPLH) telah meluluskan kawasan tanaman ladang hutan seluas 126,457.99 hektar.

Sehingga 30 September 2021, seluas 117,489.26 hektar atau 92.9% daripada keseluruhan kawasan yang diluluskan untuk PPLH telah dibangunkan.

Pecahan mengikut jenis spesis tanaman dan peratusannya berdasarkan keluasan di bawah PPLH adalah seperti berikut:

Bil	Spesies Tanaman	Keluasan (Hektar)	Peratusan (%)
1.	Getah	81,887.50	69.7
2.	Akasia	24,787.76	21.1
3.	Laran/Kelempayan	4,200.00	3.57
4.	Batai	5,960.00	5.07
5.	Binuang	654.00	0.56
6.	<b>JUMLAH</b>	<b>117,489.26</b>	<b>100.00</b>

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 5 ladang hutan boleh dijadikan contoh sebagai model amalan terbaik perniagaan dan kelestarian alam sekitar telah dibangunkan di bawah PPLH iaitu:
- i) tanaman Getah (*TLC*) di Daerah Temerloh, Pahang seluas 2,500 hektar;
  - ii) tanaman Getah (*TLC*) di Daerah Kuala Selangor, Selangor seluas 1,150 hektar;
  - iii) tanaman Getah (*TLC*) di Daerah Gua Musang, Kelantan seluas 3,950 hektar;
  - iv) tanaman Getah (*TLC*) di Daerah Keningau, Sabah seluas 5,000 hektar; dan

- v) tanaman Akasia dan Laran di Daerah Sibu, Sarawak seluas 5,000 hektar.

Ladang-ladang ini dipilih sebagai model amalan terbaik perniagaan kerana memenuhi *Good Agricultural Practices (GAP)* atau Amalan Pertanian Baik serta dijangka dapat memenuhi objektif utama PPLH bagi membekalkan bahan mentah sektor perkayuan Negara. Selain daripada itu, PPLH ini juga dapat mengurangkan kebergantungan bahan mentah sektor perkayuan dan hutan semulajadi. Tambahan lagi, kesemua syarikat ini tidak bergantung sepenuhnya dengan pinjaman PPLH dan membuat pelaburan syarikat itu sendiri.

Dari segi kelestarian alam sekitar, kesemua syarikat yang telah mendapat pinjaman PPLH mematuhi syarat - syarat dan kriteria yang ditetapkan oleh Agensi Kerajaan seperti pematuhan kepada *Environment Impact Assesment (EIA)*, *Forest Management Plan (FMP)* dan pembangunan tidak dilaksana di Zon Kawasan *Central Forest Spine (CFS)*.

Sekian, terima kasih.